

Reaksi

Banjir kilat di kawasan Permatang Damar Laut



Banjir kilat yang berlaku kira-kira jam 3 pagi Selasa lalu, bukan yang pertama, tetapi kali keempat tahun ini. Rumah dia (Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Maung daripada PKR, Datuk Abdul Malik Kassim) dekat dengan kampung kami, tak sampai pun dua kilometer, tapi hendak jengah kami yang terjejas akibat banjir pun susah”

Hasiah Md Isa,
Penduduk Permatang Damar Laut



Kerajaan negeri beri kami RM200 sebagai sumbangan, namun jumlah itu memang tidak cukup untuk menampung kerugian yang kami alami. Kami sudah membina tembok setinggi 0.6 meter bagi menghalang air masuk, tetapi tidak cukup tinggi lagi. Berapa lama lagi kami perlu hadapi masalah ini, kerajaan negeri sepatutnya atasi masalah ini segera”

Saidin Ghazali,
Penduduk Permatang Damar Laut

Info

Kedudukan kolam takungan air di Permatang Damar Laut



[FOTO MIKAIL ONG /BH]



Penduduk mengambil baju baru siap dicuci selepas rumahnya dilanda banjir kilat.

Fakta nombor

50 RUMAH
di Permatang Damar Laut, Batu Maung

0.4 METER
air naik akibat hujan lebat sejak jam 3 pagi

BANJIR KILAT DI PULAU PINANG

3 kolam takungan tak dimanfaatkan

➔ JKR nafi saiz parit punca air naik

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Kerajaan negeri perlu segera menggunakan tiga kolam takungan yang sudah siap dibina di kawasan Permatang Damar Laut, bagi mengelak kejadian banjir kilat di kawasan itu daripada berulang.

Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Salleh Awang, berkata keadaan diburukkan lagi dengan projek perumahan yang dibangunkan di kawasan lereng

bukit berdekatan menyebabkan jumlah air bertambah.

Beliau juga menafikan dakwaan saiz parit yang terlalu kecil di tapak pelebaran jalan raya menghubungkan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah ke Batu Maung menjadi faktor berlaku banjir kilat.

“Masalah ini pasti tidak berlaku jika kerajaan negeri mengguna pakai tiga kolam takungan di kawasan bukit berhampiran untuk menampung kuantiti air hujan yang banyak, khususnya ketika Pulau Pinang dilanda monsun.

“parit di kawasan pelebaran jalan raya dibina mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, malah pihak kami sudah pun mele-

barkan saiznya berbanding ukuran asal. Justeru, ia tidak menjadi punca kepada masalah ini (banjir kilat),” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Air naik

Kelmarin, kira-kira 50 rumah di Permatang Damar Laut, Batu Maung, dinaiki air setinggi 0.4 meter selepas hujan lebat melanda kawasan berkenaan sejak jam 3 pagi. Bagaimanapun, tiada penduduk dipindahkan dengan keadaan dilaporkan pulih sepenuhnya kira-kira jam 10 pagi.

Pada masa sama, Salleh berkata, pihaknya bersedia bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri bagi memastikan

kejadian banjir kilat tidak berulang, hingga projek pelebaran jalan terbit siap sepenuhnya, hujung tahun hadapan.

Dalam perkembangan sama, Pengarah JPS negeri, Sabri Abdul Mulok, berkata sistem perparitan di tapak projek pelebaran jalan raya tidak mampu menampung jumlah hujan yang banyak menyebabkan banjir kilat kerap melanda kawasan itu.

Katanya, sistem perparitan di kawasan itu tidak lagi mampu mengalirkan air hujan ke sungai berdekatan, menyebabkan limpahan berlaku ke kawasan perumahan sehingga menjejaskan penduduk setempat.